

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**  
**1 HINGGA 18 JULAI 2019**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN  
[ JULAU ]**

**SOALAN :**

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan sejauh mana keberkesanan kempen Sayangi Sawitku dalam meningkatkan permintaan domestik dan adakah Kementerian bercadang untuk menjalankan kempen yang sama untuk komoditi lain seperti koko dan lada hitam.

**JAWAPAN :**

Kementerian sedang menjalankan pemerhatian dan akan melakukan bancian bagi mengukur keberkesanan kempen Sayangi Sawitku ini dalam membantu meningkatkan industri sawit negara. Namun, didapati pada masa ini, lebih ramai rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat telah tampil untuk menyuarakan sokongan terhadap industri sawit negara termasuk pemimpin utama negara, tokoh korporat, personaliti media, ketua masyarakat, pelajar dan lain-lain. Manakala industri lain seperti penerbangan, pelancongan dan hiburan juga turut serta bekerjasama menjayakan kempen ini melalui penajaan dan publisiti.

Selain itu, Kementerian juga akan menjalankan kempen yang sama bagi komoditi lain seperti koko dan lada pada masa akan datang setelah mendapat hasil yang positif dari bancian keberkesanan kempen Sayangi Sawitku ini.

Sekian, terima kasih.